



جباتن كحاكيمن شرعية نكري قرليس

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PERLIS

KOMPLEKS AGAMA DAN SYARIAH

PERSIARAN JUBLI EMAS

JALAN PEGAWAI

01000 KANGAR, PERLIS

WEBSITE: <http://syariah.perlis.gov.my>

E-MAIL: jksnps@esyariah.gov.my

TELEFON : 04-9777180

: 04-9774846

04-9775017

04-9774927

FAKS : 04-9775107

04-9771798

Rujukan : 100-1/6/3 (4)

GARIS PANDUAN MENGENAI TATACARA PENGGUNAAN INTERNET DAN MEL ELEKTRONIK JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PERLIS

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menyediakan garis panduan mengenai tatacara penggunaan Internet dan mel elektronik di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis serta perkara-perkara berkaitan yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan oleh jabatan ini.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan kecekapan dalam proses komunikasi di kalangan anggota-anggotanya dan juga di antara agensi Kerajaan dengan swasta dan orang ramai. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah membuka peluang kepada komunikasi yang lebih cepat dan mudah. Salah satu kaedah komunikasi yang semakin luas penggunaannya dalam sektor awam ialah Internet dan mel elektronik (e-mel). Selain daripada memudah dan mempercepatkan komunikasi, kaedah ini dapat mengurangkan penggunaan kertas dan akhirnya menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan kualiti perkhidmatan.
3. Namun begitu, penggunaan Internet dan e-mel yang sistematik, cekap dan pantas ini jika tidak diuruskan dengan baik boleh menjejaskan keselamatan terhadap data, dokumen atau sebarang maklumat melalui penghantaran media elektronik. Dengan itu, kawalan yang teratur dan perlindungan keselamatan ICT yang bersesuaian perlu diwujudkan supaya penggunaan Internet dan e-mel bukan sahaja dapat meningkatkan kecekapan berkomunikasi, tetapi juga dapat menjamin keselamatan maklumat yang dihantar dan diterima.

TATACARA PENGGUNAAN

4. Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan ini dirumuskan bagi memenuhi keperluan penggunaan, langkah-langkah perlindungan dan penguatkuasaan, agar penggunaan Internet dan e-mel yang terkawal dan perlindungan keselamatan yang lebih mantap dapat diwujudkan. Langkah ini akan dapat mengurangkan kesan negatif ke atas maklumat seperti pencerobohan, kecurian dan pengubahsuaian data.

TANGGUNGJAWAB AGENSI

5. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis adalah dikehendaki untuk mengambil perhatian kepada Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan seperti yang dilampirkan kepada Pekeliling ini. Bagi maksud ini, semua Ketua Jabatan adalah diminta melaksanakan tanggungjawab yang ditetapkan dan mengambil tindakan-tindakan berikut:
- (a) memastikan seorang pentadbir sistem ICT dilantik dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tindakan-tindakan sebagaimana yang ditetapkan di dalam tatacara ini;
 - (b) mengenal pasti pengurusan dan kawalan keselamatan ICT yang perlu diberi perhatian semasa penggunaan Internet dan e-mel, bergantung kepada tahap sensitiviti maklumat; dan
 - (c) memastikan program-program kesedaran keselamatan ICT diberikan kepada semua pengguna agar penggunaan Internet dan e-mel dapat dilaksanakan dengan cara yang betul dan selamat.

PEMAKAIAN

6. Peruntukan Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua warga Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis.

TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.



TUAN HAJI SAARANI BIN ISMAIL
KETUA HAKIM SYARIE
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PERLIS

Y.A.A. HAJI SAARANI BIN ISMAIL
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Perlis